

Syria mahu **pelajari**

Daripada **HAMZAH SIDEK**

UM - 17/08/03

DAMSYEK 16 Ogos ~ Presiden Syria Dr. Bashar Al-Assad mengundang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melawat negaranya yang bermula esok kerana ingin mempelajari formula kejayaan Malaysia dalam mengim-bangi antara proses pemodenan dan tuntutan agama.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Dr. Bashar amat kagum dengan kejayaan Malaysia menjadi sebuah negara Islam yang moden tetapi dalam masa yang sama dapat memenuhi tuntutan agama mengikut peredaran zaman.

Lawatan Dr. Mahathir ke Republik Syria selama dua hari itu juga akan memperkukuhkan lagi hubungan Malaysia dengan dunia Arab yang ternyata semakin penting dalam perkembangan antarabangsa yang kian mencabar negara-negara Islam sekarang.

Dr. Mahathir yang merupakan Perdana Menteri pertama Malaysia melawat Syria, telah melakukan

lawatan ke kebanyakan negara Arab termasuk Arab Saudi, Mesir, Amiriah Arab Bersatu, Yaman, Turki, Algeria dan Sudan.

Selain hubungan ekonomi dua hala, hal-ehwal antara-bangsa yang melibatkan negara-negara Islam terutama pergolakan di Asia Barat dijangka menjadi fokus perbincangan empat mata antara Dr. Mahathir dengan Dr. Bashar di Istana Rakyat pagi esok.

Kata Syed Hamid, lawatan ini diharap akan membuka bidang kerjasama baru dalam mengeratkan hubungan yang terjalin kukuh di bidang politik sejak 1958.

Kedua-dua negara berharap untuk membuka lembaran baru dalam kerjasama di bidang ekonomi, sains dan teknologi serta pendidikan setelah Syria membuka kedutaannya di Kuala Lumpur pada 2001 dan Malaysia pula menyusul langkai di Damsyik pada 2202.

Syed Hamid memberitahu sidang akhbar di sini hari ini, sebanyak sembilan perjanjian dan memorandum persefahaman meliputi pelbagai bidang akan ditandatangani semasa lawatan Perdana Menteri. Sidang akhbar

formula Malaysia

itu turut dihadiri Duta Malaysia yang pertama ke Syria, Datuk Abdullah Sani Omar.

Malaysia telah berjaya menembusi pasaran kereta Syria dengan menjual sehingga kini 175 buah kereta Proton dan sebilangan kereta Perodua. Pada hari kedua lawatannya Dr. Mahathir akan merasmikan pembukaan pusat pameran kereta Proton di sini.

Jadual atur cara lawatan yang padat menunggu Dr. Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad sepanjang dua hari di sini selepas tiba dari Swaziland di mana Perdana Menteri menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika.

Sebaik-baik sahaja sampai ke ibu negara Syria ini pada kira-kira 7 pagi dari Swaziland, mereka akan berihat hanya seketika sebelum berlepas ke Istana Rakyat untuk menemui Dr. Bashar dan isterinya Asma Al-Assad.

Selepas mengadakan perbincangan empat mata dengan Dr. Bashar pada hari pertama lawatan dan diraikan dengan jamuan makan malam, Dr. Mahathir akan mengadakan pertrrman dan dialog dengan lain-lain

pemimpin kerajaan serta ahli-ahli perniagaan Syria, dan para pelajar Malaysia pada hari kedua lawatannya.

Dr. Bashar, doktor pakar mata yang pernah menuntut di United Kingdom, menjadi Presiden Syria selepas bapanya Allahyarham Hafez Al-Assad meninggal dunia pada 17 Julai 2000. Beliau mula mengenali Dr. Mahathir secara peribadi semasa Sidang Kemuncak OIC yang lalu di mana beliau menghulurkan jemputan melawat Syria kepada Perdana Menteri.

Syria yang merupakan negara sosialis bersistem ekonomi perancangan pusat kini secara beransur-ansur mengamalkan sistem ekonomi bebas di bawah pimpinan Dr. Bashar. Kira-kira 90 peratus rakyat negara ini beragama Islam yang majoriti adalah Sunnah Al jemaah.

Dr. Mahathir juga akan mengadakan dialog khas dengan para ulama Syria. —Utusan